



POLISI PENJAGAAN MESRA IBU (MOTHER-FRIENDLY CARE) HOSPITAL TELUK INTAN



❖ **Penjagaan Mesra Ibu (Mother-Friendly Care): Bermaksud Menyokong dan mengamalkan kelahiran dan Penjagaan Mesra Ibu (Mother-Friendly Care).**

1. Menggalakkan ibu untuk mempunyai teman yang boleh bersama sepanjang proses kelahiran untuk memberi sokongan emosi dan fizikal sewaktu melahirkan.
***Di Dewan Bersalin Hospital Teluk Intan, hanya terdapat 1 katil disediakan kerana factor infrastruktur yang tidak mengizinkan.
2. Membenarkan ibu mengambil minuman atau makanan yang ringan jika ibu mahu semasa proses kelahiran (bagi ibu berisiko rendah).
3. Menggalakkan ibu untuk memilih kaedah penahan sakit yang bukan ubatan melainkan jika diperlukan atau atas permintaan ibu tersebut.
*****Kaedah mengurangkan kesakitan bersalin tanpa ubat-ubat:**
Sokongan semasa proses kelahiran.
Urutan badan.
Tuam dengan air suam.
Menenangkan dan menyakinkan ibu secara verbal dan fizikal.
Menyediakan persekitaran yang tenang.
4. Menggalakkan ibu berjalan dan bergerak sebelum melahirkan, jika mahu dan menggalakkan ibu untuk melahirkan mengikut posisi pilihan kecuali terdapat halangan perubatan yang boleh mengakibatkan komplikasi dan ianya diterangkan dengan jelas kepada ibu.
***Di Dewan Bersalin Hospital Teluk Intan posisi dorsal (berbaring terlentang dengan kedua lutut dibengkokkan) dan lithotomy (berbaring terlentang dengan mengangkat kedua kaki ke atas) diatas katil sahaja diamalkan kerana hospital ini tiada kemudahan untuk kaedah lain.
5. Tidak menggunakan sebarang prosedur invasif seperti memecahkan selaput ketuban, *episiotomy*, perangsang mempercepatkan kelahiran (*induction of labour*), pembedahan *caesarean* atau kelahiran dengan bantuan peralatan, kecuali dalam keadaan yang memerlukan dan ianya diterangkan dengan jelas kepada ibu.

****Polisi Perkara 12 bermanfaat kepada ibu, walaubagaimanapun keadaan infrastruktur dan kriteria kemasukan ibu ke Hospital Teluk Intan adalah kes 'High Risk'(risiko tinggi), tidak menggalakkan anggota Hospital Teluk Intan memenuhi Perkara 12 sepenuhnya. Setiap kes perlu dipertimbangkan.**